

HUKUM BERONANI

Soalan:

Adakah beronani diharuskan dalam Islam bagi sesiapa yang tidak mampu berkahwin atau tidak mampu menahan nafsunya yang sedang melonjak sama ada lelaki atau wanita? Bagaimana cara menghadapinya? Apakah kesan sampingan hasil dari perbuatan itu?

Jawapan:

Berdasarkan firman ALLAH di dalam surah al-Mukminun, ayat 5-7, Imam al-Syafie r.h dan sesiapa sahaja yang sependapat dengannya menetapkan haram mengeluarkan air mani menggunakan tangan. Imam al-Syafie menegaskan di dalam kitab al-Umm, bab al-Nikah.

Mengenai cara menangani masalah suka beronani, terdapat beberapa saranan daripada al-Quran dan hadis.

وَلَيْسَتَعَفِيفِ الدِّينِ لَا تَجِدُونَ نِكَاحًا حَتَّى يُغْنِيَهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ

Maksudnya:

“Dan orang-orang yang tidak mampu berkahwin, mereka hendaklah menjaga kehormatannya sehingga ALLAH memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-NYA.” – Surah al-Nur: 33.

Sebahagian cerdik pandai agama menggunakan ayat di atas sebagai dalil ALLAH memerintahkan yang tidak mampu berkahwin agar menjaga kemaluan dengan melakukan perkara berikut:

1. Berpuasa.
2. Rendahkan pandangan, tidak melihat majalah atau video lucah.
3. Jangan duduk bersendirian.
4. Berusaha menahan nafsu sedaya mungkin apabila diuji.
5. Banyakkan membaca al-Quran.

TEMAN SEBILIK TIDAK SOLAT

Soalan:

Saya masih seorang pelajar di sebuah IPTA dan saya tinggal di asrama. Masalah saya sekarang saya mempunyai teman sebilik yang tidak solat. Saya dan teman yang lain sudah cuba menasihatkan dia tetapi tidak berkesan. Adakah saya harus menggunakan cara psikologi untuk menasihatinya dan adakah saya dikira bersubahat kerana dosa yang dilakukan?

Jawapan:

Hidayah taufik itu terletak di tangan ALLAH. Kita hanya mampu memberi hidayah dilalah (petunjuk) sahaja. Firman ALLAH S.W.T:

إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) tidak mampu memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang engkau kasihi. Tetapi, ALLAHlah yang Maha Berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki-NYA. DIA jugalah yang lebih mengetahui siapakah yang sudah bersedia untuk menerima hidayah petunjuk.” -

Surah al-Qosos: 56.

Antara cara psikologi yang disarankan seperti takutkan dia dengan ancaman azab, kematian yang akan datang secara tiba-tiba dan sebagainya. Cuba bayangkan kepadanya jika dia mati ketika sedang berbuat kemungkar dan tidak solat. Apakah jawapan yang akan diberikan kepada ALLAH?

Ingatkan dia bahawa meninggalkan solat menyebabkan amal solehnya pada hari itu tertolak. Jadi, segala ibadah yang dilakukannya sama ada puasa, sedekah dan sebagainya tidak diterima sedangkan dosanya semakin bertambah.

Paling penting, kamu hendaklah sentiasa mencegah kemungkaran apabila melihatnya dan jangan berputus asa. Malah, kamu tidak dikira bersubahat selagi mencegah perbuatan itu walaupun dengan membenci perbuatan maksiat di dalam hati. Sabda Rasulullah s.a.w:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ
أَضْعَفُ الْإِيمَانِ

Maksudnya:

“Sesiapa yang melihat suatu kemungkaran, dia hendaklah mencegah dengan tangannya (kuasa). Jika tidak mampu, dia hendaklah mencegah dengan lidahnya (nasihat). Jika tidak mampu juga, dia hendaklah membenci perbuatan itu di dalam hatinya. Itulah cara orang yang teramat lemah imannya.” – Hadis sahih riwayat Abu Daud dan al-Nasaai.

MELEPAK BERSAMA KAWAN-KAWAN

Soalan:

Saya selalu melepak bersama kawan-kawan di kedai mamak. Tetapi, saya tidak melakukan perbuatan keji. Apakah hukumnya?

Jawapan:

Antara adab bergaul sesama mukmin yang suka melakukan maksiat seperti bercakap kotor, membuang masa, meninggalkan sebahagian solat dan sebagainya, harus bergaul dan duduk bersama mereka sekadar mengukuhkan hubungan silaturahim sesama mukmin.

Tetapi, menjadikan mereka sebagai kawan dan sentiasa melepak bersama mereka jelas menyanggahi peringatan Nabi s.a.w. Sabda Rasulullah s.a.w:

إِنَّمَا مَثَلُ الْجَلِيسِ الصَّالِحِ وَالْجَلِيسِ السُّوِّءِ كَحَامِلِ الْمَسْكِ وَنَافِخِ الْكَبِيرِ فَحَامِلُ الْمَسْكِ
إِمَّا أَنْ يُحْذِيكَ وَإِمَّا أَنْ تَبْتَاعَ مِنْهُ وَإِمَّا أَنْ تَجِدَ مِنْهُ رِيحًا طَيِّبَةً وَنَافِخُ الْكَبِيرِ إِمَّا أَنْ يُحْرِقَ
ثِيَابَكَ وَإِمَّا أَنْ تَجِدَ رِيحًا خَبِيثَةً

Maksudnya:

“Sesungguhnya perumpamaan orang salih yang melepak dan orang yang buruk akhlaknya melepak sama seperti pembawa wangian dan tukang besi. Mengenai pembawa wangian, kamu mungkin dapat menghidu baunya, dapat membeli darinya atau memperoleh wangian daripadanya. Manakala tukang besi pula, mungkin pakaiankamu akan terbakar atau bau busuk menyelubungi kamu.” – Hadis riwayat Muslim.

Kawan yang berakhlak buruk boleh membinasakan diri. Keburukan lebih banyak berbanding kebaikannya. Justeru, harus duduk jika bertujuan dakwah dan membawa mereka kembali ke jalan hidayah. Perbuatan itu amat mulia selagi tidak mendatangkan kesan pada diri. Wallahu a'lam.

JOM HEBOH HARAM

Soalan:

Ada fatwa mengatakan 'jom heboh' adalah haram. Bagaimana jika kita masih menghadiri diri di jom heboh untuk membeli barangan sahaja?

Jawapan:

Menurut pandangan saya, tidak ada beza antara 'jom heboh', 'sure heboh' dan pasaraya besar di ibu kota. Semua tempat itu tidak terlepas dari sebarang percampuran antara lelaki dan wanita. Justeru, harus ke tempat itu untuk membeli barangan atau memenuhi keperluan bukannya meraikan sesuatu perkara yang diharamkan.

Bagi lelaki, wajib menjaga adab pergaulan ketika bercampur-gaul dengan wanita. Begitu juga wanita, wajib menutup aurat dengan sempurna dan tidak

melakukan perbuatan yang melanggar hukum syarak. Jika sudah memenuhi keperluan, sebaiknya dia meninggalkan tempat itu agar terhindar dari fitnah. Wallahu a'lam.

WUDUK DALAM KEADAAN TELANJANG

Soalan:

Apakah hukum berwuduk tetapi dalam keadaan telanjang di dalam bilik air atau memakai seluar pendek di atas paras lutut?

Jawapan:

Wuduknya tetap sah kerana membuka aurat atau memakai seluar pendek tidak menjadi syarat sah wuduk. Tetapi, haram membuka aurat di hadapan orang yang hadir atau di khalayak ramai selain isteri atau hamba yang dimiliki (harus disetubuhi). Wallahu a'lam.